

# Rahim restui tubuh Briged Silat

B. Harian (M)

11 FEB 1990

MELAKA, Jumaat — Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik, menyokong penubuhan Briged Silat hasil usaha Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGS-SNM) kerana ia boleh mengharumkan lagi nama Bandaraya Melaka.

Katanya, penubuhan briged yang dianggotai oleh beberapa pesilat daripada pelbagai seni silat itu juga boleh memperkembangkan seni budaya bangsa.

"Silat adalah satu daripada warisan budaya Melayu yang patut dipertahankan dan diperkembangkan di kalangan generasi muda," katanya di majlis penyampaian bendera negeri kepada Ketua Skwad Pesilat Melaka ke Kejuaraan Silat Kebangsaan, di Seri Negeri, hari ini.

Menurutnya, Briged Silat itu boleh mengetengahkan seni silat dengan mengadakan pelbagai pertunjukan di beberapa tempat bersejarah.

"Antara tempat yang dikenal pasti berpotensi untuk pertunjukan seumpama itu ialah di kawasan Bandar Hilir (berhadapan pentas pertunjukan Bunyi dan Cahaya) dan gelanggang silat Duyung," katanya.

Mengenai Kejuaraan Silat di Petaling Jaya yang bermula hari ini, Datuk Seri Abdul Rahim menggesa pesilat perlu menanamkan semangat 'Hang Tuah lima bersaudara' untuk meraih kejayaan.

Beliau berkata, dengan berbekalkan semangat itu serta doa daripada penyokong, skuad Melaka boleh mencapai kejayaan di kejuaraan itu.

"Mereka hendaklah menunjukkan prestasi dan disiplin yang tinggi kerana kejayaan itu boleh mengharumkan lagi nama Melaka Bandaraya Bersejarah," katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri akan menyumbangkan \$1,000 kepada skuad negeri jika mereka berjaya meraih kejayaan.

# Tiga pesilat Sukan SEA XV ke suku akhir

B. Minggu (M)

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

TIGA pesilat skuad Sukan SEA XV lalu, mara ke suku akhir Kejuaraan Silat Kebangsaan yang berlangsung di Dewan 227 Petaling Jaya, malam tadi.

Azmi Manaf dari Johor, Wan Amizah Wan Ahmad (Kelantan) dan Mohamad Izan (Selangor) tidak menghadapi kesukaran bertindak ke atas lawan masing-masing mempertahankan kewibawaan mereka.

Azmi (Kelas B) dan Wan Amizah (B) begitu tangkas mengasak Ramli Mat dari Kedah dan Rozainton dari Kuala Lumpur. Manakala, Mohamad Izan (I) didesak hebat oleh Zulkifli Salleh (Johor) sebelum menang.

Selain Wan Amizah, dua lagi pesilat Kelantan — Shamsuddin Noor (C) dan Sani Yahya (F) turut mara ke suku akhir.

Bagaimanapun, Sani hampir menjadi mangsa pesilat Sabah, Johmy yang menguasai dua pusingan. Johmy melutut kecewa apabila Sani diumumkan menang. Begitupun, beberapa kesalahan membuat mata Johmy dipotong membantu Sani mara ke suku akhir.

Keputusan:

Kelas A — Mohd Firdaus (Sel) mn Mohd Hisham (Phg); Kelas B — Azmi Manaf (Jh) mn Ramli Mat (Ked), Mohd Azmi (Trg) mn Kamaruzaman Alias (Phg); Kelas C — Shamsuddin Noor (Kel) mn Radzali Haji Taib (Mel); Kelas D — Muhammad Faizal (GF) mn Bohari Sadini (Jh); Kelas E — Zakaria hamzah (GF) mn Suliman Yunus (Sel); Kelas F — Sani Yahya (Kel) mn Johmy (Sab); Kelas G — Ahmad Arsad (NS) mn Ahmad Haji Shahadan (GM);

Wanita: Kelas B — Wan Amizah Wan Ahmad (Kel) mn Rozainton (KL); Kelas C — Siti Hawa (Pk) mn Fauziah Ibrahim (Lincah).

11 FEB 1990